

03 SEP 1998

Anwar-Indonesia

HUBUNGAN INDONESIA-MALAYSIA TIDAK TERJEJAS

JAKARTA, 3 Sept (Bernama) -- Hubungan Indonesia-Malaysia tidak terjejas berikutan perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, menurut anggota-anggota Parlimen Indonesia hari ini.

"Keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melucutkan jawatan Anwar daripada Kabinet ialah masalah dalaman Malaysia yang kita harap tidak menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara," kata Andi Mattalata dari Parti Golkar yang memerintah.

Pandangan ini dikongsi bersama oleh pengerusi kumpulan Partai Demokrasi Indonesia (PDI) dalam Parlimen, Budi Hardjono.

Mattalata percaya bahawa perlucutan jawatan Anwar ada kaitan dengan usaha Malaysia untuk mengatasi krisis ekonomi yang Indonesia juga telah mengambil langkah yang serupa.

"Ia tidak ada kena-mengena dengan politik kerana ini bukan bermakna berakhirnya karier politik Anwar Ibrahim. Saya percaya ia tidak demikian," kata beliau.

Ketua puak Golkar di Parlimen berkata Anwar ialah pemimpin yang benar-benar memahami wawasan Malaysia.

Tetapi dalam menangani masalah ekonomi, mungkin timbul percanggahan antara Perdana Menteri dan timbalannya, kata beliau.

Bagaimanapun, perlucutan jawatan Anwar tidak akan menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara terutama dalam bidang ekonomi, kata beliau.

Sementara itu, Budi Hardjono berkata perlucutan jawatan Anwar daripada Kabinet tidak akan menjejaskan dasar dalam negara dan dasar luar Malaysia.

"Sebagai negara jiran, kita harus menghormati kedaulatan antara satu sama lain. Apa yang berlaku di Malaysia ialah masalah dalaman negara itu semata-mata," kata beliau.

-- BERNAMA

ABU FAZ